

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERADUAN MENGARANG BERUNSUR
ISLAM SEMPERA PERAYAAN ABAD KE 15 HIJRAH

TEMPAT: BALAI BUDAYA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

TARIKH: 12 MAR 1982

MASA:

Asalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat

Pengerusi Jawatankuasa Kerja

Perayaan Abad Ke 15 Hijrah,

Dato' Haji Mohammad bin Nasir;

Yang Berbahagia Dato' Haji Hassan Ahmad,

Ketua Pengarah,

Dewan Bahasa dan Pustaka;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekelian.

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat saya dan isteri saya bersama-sama menghadiri majlis ini. Di atas jemputan dan juga penghormatan yang diberikan kepada saya untuk berucap di majlis ini dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang "Peraduan Mengarang Berunsur Islam Sempena Abad Ke 15 Hijrah" saya terlebih dahulu mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih.

2. Abad Ke 15 Hijrah dilihat oleh umat Islam di seluruh dunia sebagai zaman kebangkitan semula Islam, zaman untuk menebus kembali keagungan Islam dan zaman kebanggaan bagi umat Islam. Tetapi, untuk mencapai cita-cita dan hasrat ini ada yang memilih jalan untuk semata-mata mendekati akhirat dengan menanggalkan segala hubungan yang bersifat keduniaan. Bagi mereka hidup terpencil dari masyarakat umum, dapat beribadat dan mempunyai habuan sekadar cukup untuk menyara hidup adalah sebenar-benar cara hidup yang dituntut oleh Islam. Selainnya adalah dianggap sifat jahiliah.

3. Golongan yang lain pula memandangi kebangkitan Islam di Abad Ke 15 Hijrah ini sebagai satu isyarat untuk melaksanakan satu revolusi yang menyeluruh, menghapuskan segala apa yang ada dan membina sistem pemerintahan dan kerajaan yang dikatakan Islam oleh mereka dengan satu permulaan baru. Golongan ini, dan juga golongan "ascetic" yang pertama itu, ingin mempengaruhi dunia Islam untuk menerima dan mengamalkan prinsip-prinsip mereka berasingan yang mana kita tahu, jika diterima oleh sebahagian besar umat Islam, boleh membawa kehancuran kepada umat Islam sendiri.

4. Yang aneh ialah golongan-golongan ini tidak memperhitungkan apakah kemampuan yang ada pada umat Islam ketika ini, ajaran serta prinsip-prinsip Islam yang sebenar sebagai agama universal, rintangan yang wujud serta cabaran dan bahaya yang mesti dilalui akibat tindakan yang mereka rancang. Mereka tidak memikirkan hikmah perjuangan Rasulullah s.a.w serta sahabat dengan petunjuk Allah s.w.t yang menjelaskan kepada kita betapa pentingnya strategi, taktik dan diplomasi dalam perjuangan Islam. Sejarah dengan jelas menegaskan betapa keperibadian dan akhlak Rasulullah s.a.w yang begitu luhur dan tinggi telah menjadi kuasa penarik bagi manusia menganuti Islam. Bukan sahaja sanak-saudara malahan pihak musuh kagum dengan sifat Rasulullah s.a.w yang benar-benar mencerminkan keperibadian serta akhlak manusia tulen sebagaimana yang dituntut oleh Allah s.w.t.

5. Keagungan Islam yang kita ingin kembalikan ialah yang diasaskan kepada sifat-sifat yang disanjung tinggi dan dihormati oleh manusia. Islam tidak dikembangkan dengan menumpahkan darah manusia yang tidak berdosa, memecah-belahkan umat Islam, dan memesongkan ajaran Islam dengan menabur fitnah kerana kepentingan diri atau politik kumpulan-kumpulan. Islam dikembangkan dengan memberi gambaran yang sejelas-jelasnya tentang intisari dan keperibadian Islam yang mementingkan keadilan, moderasi, diplomasi, perikemanusiaan, keunggulan ilmu pengetahuan dan usaha dan sifat-sifat yang luhur yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w serta sahabat yang nyata dapat dilihat oleh manusia. Dengan prinsip-prinsip ini Islam telah mengukuhkan kedudukannya hingga diterima oleh semua lapisan masyarakat tidak kira hamba atau pemerintah dan tidak kira bahasa atau keturunan.

6. Itulah semangat dan prinsip kebangkitan Islam yang ditunjukkan kepada kita oleh Allah s.w.t. Kita perlu menimba segala hikmah di dalam Islam bagi mencungkil segala potensi untuk membuktikan prinsip-prinsip serta perjuangan Islam sebagai cara hidup universal. teknologi, pelajaran, dan seterusnya apa yang dapat menjadi perisai bagi melindungi kita daripada fitnah dan ancaman anasir-anasir yang ingin merosakkan kita. Ini haruslah menjadi perjuangan umat Islam kerana kelemahan umat Islam dalam mana-mana aspek akan memanjangkan lagi masa umat Islam dipengarui dan dicengkam oleh orang lain.

8. Salah satu aspek yang harus mendapat perhatian kita ialah tradisi penulisan umat Islam. Ahli-ahli teologi, ahli-ahli fikir, ahli-ahli sains Islam telah menyingkap bidang ilmu pengetahuan sehingga zaman kebangkitan semula atau Renaissance di Eropah sebenarnya adalah diasaskan kepada pencapaian tokoh-tokoh Islam. Sayangnya tradisi penulisan Islam ini telah malap dan tenggelam timbul sebagaimana yang kita dapat perhatikan ketika Aceh, Pasai dan Melaka menjadi pusat perkembangan Islam di rantau ini.

9. Menjelang Abad Ke 15 Hijrah kita juga sedar dengan

kemunduran kita dari segi penulisan. Penganjuran mengarang sempena dengan sambutan Abad Ke 15 Hijrah ini harus menjadi titik permulaan bagi usaha penulisan yang berteraskan Islam di negara kita. Walaupun peraduan ini membuat tumpuan kepada penulisan sastra namun apa yang diperlukan ialah penulisan yang lebih gigih dan giat dalam semua lapangan. Kita mempunyai ramai ulamak yang mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang Islam, cerdik-pandai dan para akademis dalam berbagai bidang yang pasti dapat menghasilkan karya-karya asli yang tinggi nilainya serta memperkenalkan karya-karya terjemahan daripada Bahasa Arab atau bahasa-bahasa lain yang perlu menjadi sumber kepada masyarakat kita yang dahagakan ilmu pengetahuan tuntutan Islam. Banyak buku-buku sumber yang berguna kepada masyarakat kita yang masih belum diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia. Begitu juga kurang sekali hasil sastera Islam yang dapat membentuk keperibadian masyarakat kita dan bagi menjadi perisai dan penawar di dalam menghadapi berbagai cabaran semasa dan akan datang.

10. Berhubung dengan "Peraduan Mengarang Berunsur Islam" ini, sukacita saya mendapat tahu bahawa sambutan daripada para penulis adalah amat menggalakkan. Ini adalah sejajar dengan keadaan di luar dunia penulisan, di mana perhatian terhadap agama Islam, baik di mana saja, begitu meluas dan mendalam. Penyertaan para pelajar dalam peraduan ini, dengan berbagai judul esei masing-masing, dengan sendirinya membuktikan bahawa generasi muda kita sedang menerus dan memperteguhkan tali keagamaan yang sudah lama menjadi pegangan yang tidak diragui. Keadaan yang menggembirakan ini, pada fikiran saya, adalah hasil kemampuan penganut agama Islam menyaring pengaruh luar dan bersikap sederhana tetapi rasional dalam menghadapi soal-soal yang berkaitan dengan agama Islam.

11. Bidang penulisan merupakan satu cara berdakwah yang berkesan. Tetapi, demi kepentingan Islam, setiap penganut agama Islam mestilah mengisi dakwahnya dengan hasrat untuk mengembalikan kekuatan dan keagungan umat dan bukan untuk polemik yang melemahkan atau memecahbelahkan umat. Kita hendaklah sedar bahawa ada kuasa-kuasa yang ingin memusnahkan Islam kerana Islam bercanggah dengan ideologi mereka. Kiranya kita lemah pastilah mudah bagi mereka ini untuk memasukkan kita ke dalam perangkap mereka, dan jika kita telah masuk ke dalam perangkap mereka Islam akan dimusnahkan oleh mereka.

12. Allah s.w.t menuntut kita untuk menyeru ke jalanNya. Tetapi seruan yang dituntut ialah seruan yang dibuat secara berkesan, mengikut lunas-lunas tertentu dan dibuat dengan jujur dan baik. Jika seseorang itu menyeru ke jalan kebaikan, sedangkan tingkah lakunya boleh dipersoalkan atau pihak tertentu mencanangkan keunggulan Islam, sedangkan taktiknya mempengaruhi masyarakat begitu bercanggah dengan semangat keIslaman yang sebenar, ini tidak akan membawa umat Islam ke mana-mana. Ini akan hanya memudarkan syiar Islam, dan malah boleh menghancurkan perpaduan umat Islam sendiri.

Gejala buruk ini amatlah dipandang berat. Jika gejala ini mula bercambah atau telah menular, kita mempunyai tanggungjawab bersama untuk membentersanya.

13. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas kepada para pemenang peraduan menulis cerpen, drama, esei (pelajar dan umum) dan antologi puisi yang berunsur Islam. Sumbangan mereka mudah-mudahan memberikan manfaat yang sewajarnya, juga tanda pencapaian mutu penulisan sempena Abad 15 Hijrah ini.

14. Amatlah kena pada ketikanya karya-karya yang memenangi peraduan ini diterbitkan dalam bentuk buku. Penerbitan seperti ini diharapkan akan dapat tersebar luas untuk bacaan masyarakat. Penerbitan seperti ini juga boleh menjadi bahan bacaan umum yang sungguh berfaedah kerana isinya berusaha membentuk atau membina ketaqwaan di kalangan para pembacanya. Dengan cara ini, ajaran-ajaran yang tidak baik dapat dicegah kerana para pembaca dapat melihat serta menilai mana yang baik dan mana yang buruk, mana yang hakiki dan mana yang palsu. Bagaimanapun, kepada para penulis sekalian, keseimbangan antara persoalan karya dan mutu penciptaan hendaklah selalu diperhitungkan.

15. Saya yakin di tahun-tahun yang akan datang mutu penulisan yang berunsur Islam akan terus berkembang dan matang sesuai dengan perkembangan masa yang sentiasa berubah dan maju. Pencapaian serta kemajuan rohaniah yang berteraskan ketaqwaan kepada Allah s.w.t. adalah amat penting sejajar dengan kehendak Islam dan juga cabaran yang dihadapi oleh manusia dari masa ke semasa.

16. Akhir kata saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pemenang-pemenang peraduan dan berdoa semoga Allah s.w.t akan sentiasa memberi petunjuk dan hidayah kepada kita dalam semua rancangan dan tindakan kita untuk memajukan umat Islam.

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.